

PERANCANGAN STRATEGIK INSTITUSI ISLAM DALAM MENGHADAPI KRISIS PANDEMIK COVID-19

STRATEGIC PLANNING OF ISLAMIC INSTITUTIONS DURING COVID-19 PANDEMIC CRISIS

Nurhidayah Marzuki@Yahaya¹

¹Pusat Sains Liberal, Fakulti Sains Gunaan dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Malaysia.
(E-mel: hidayahmarzuki@unimap.edu.my)

Article history

Received date : 1-8-2021
Revised date : 2-8-2021
Accepted date : 19-9-2021
Published date : 20-9-2021

To cite this document:

Nurhidayah (2021). Perancangan Strategik Institusi Islam dalam Menghadapi Krisis Pandemi Covid-19. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(39), 125-133.

Abstrak: Kertas kerja ini bertujuan menganalisis perancangan strategik bagi institusi Islam dalam menghadapi krisis pandemik COVID-19. Dunia kini menghadapi cabaran sukar iaitu berhadapan dengan virus COVID-19. COVID-19 ini telah diisytiharkan oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia sebagai satu pandemik yang memberikan kesan yang sangat serius kepada ekonomi dunia. Semua sektor dan institusi perlu menjalani kehidupan dengan norma baharu termasuklah di institusi Islam. Dalam menghadapi norma baharu ini, pihak institusi Islam perlu merancang hala tuju organisasi untuk kekal aktif, relevan dan berdaya saing dalam persekitaran yang sangat mencabar ini. Banyak prosedur baharu yang perlu dilaksanakan bagi memastikan ianya selaras dengan keadaan semasa dan juga selaras dengan prosedur yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan demi menjaga kemaslahatan bersama. Persoalannya, apakah strategi terbaik yang dilakukan oleh institusi Islam dalam menghadapi krisis pandemik COVID-19 ini? Hal ini kerana institusi Islam perlu memastikan bahawa setiap perancangan yang hendak dilaksanakan tidak bercanggah dengan al-Qur'an dan Hadith serta tidak membawa kemudaratan kepada semua pihak. Kertas kerja ini bersifat konseptual dan akan dianalisis menggunakan analisis kandungan kualitatif. Hasil dapatan dari sorotan kajian lepas telah membentuk kerangka konseptual model yang akan dikaji lebih mendalam pada masa akan datang.

Kata kunci: perancangan strategik, institusi Islam, pandemik COVID-19, norma baharu.

Abstract: This paper aims to analyse the strategic planning for Islamic institutions in the face of the COVID-19 pandemic crisis. The world is now facing a difficult challenge which is to deal with the COVID-19 virus. The World Health Organization has declared this COVID-19 as a pandemic that severely impacts the world economy. All sectors and institutions must adapt to new norms, including Islamic institutions. In the face of these new norms, Islamic institutions need to plan the organization's direction to remain active, relevant and competitive in this challenging environment. Many new procedures need to be implemented to ensure that they are in line with the current situation and also in line with the guidelines issued by the government to protect the common good. The question is, what is the best

strategy done by Islamic institutions in facing this COVID-19 pandemic crisis? This question is essential because Islamic institutions need to ensure that every plan to be implemented does not conflict with the Qur'an and Hadith and does not bring harm to all parties. The paper is conceptual and will be analyzed using qualitative content analysis. The findings from previous studies highlights have formed the conceptual framework of the model, which will be studied in more depth in the future.

Keywords: *strategic planning, an Islamic institution, COVID-19 pandemic, new norm.*

Pengenalan

Perancangan strategik merupakan asas utama dalam sesebuah institusi. Perancangan strategik ini melibatkan proses merancang, menyusun, mengarah, melaksana dan mengawal kegiatan atau aktiviti institusi yang bersesuaian dengan perkembangan dan perubahan persekitaran luarannya. Menurut Ansoff (1984) dalam bukunya *Implanting Strategic Management*, perancangan strategik ini penting bagi setiap institusi kerana keadaan dan persekitaran masa depan yang tidak dapat diduga dan diramal dengan tepat dan yakin.

Dunia kini berhadapan dengan persekitaran yang tidak diduga iaitu pandemik COVID-19. Pandemik yang berlarutan sehingga hampir dua tahun ini sangat memberi kesan kepada seluruh negara. Banyak sektor dan institusi terpaksa di tutup sementara dan ini memberi kesan langsung terutama kepada ahli-ahlinya. Oleh itu, semua sektor dan institusi perlu menjalani kehidupan dengan norma baharu termasuklah di institusi Islam. Pihak institusi Islam perlu merancang hala tuju organisasi untuk kekal aktif, relevan dan berdaya saing dalam persekitaran yang sangat mencabar ini. Banyak prosedur baharu yang perlu dilaksanakan bagi memastikan ianya selaras dengan keadaan semasa dan juga selaras dengan prosedur yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan demi menjaga kemaslahatan bersama. Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini dilaksanakan untuk mengenalpasti apakah strategi terbaik yang dilakukan oleh institusi Islam dalam menghadapi krisis pandemik COVID-19. Kertas kerja ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengkaji secara sistematik semua literatur berkaitan perancangan strategik secara konvensional dan Islamik. Penerangan lanjut berkenaan kaedah kajian dibincangkan dalam bahagian kaedah penyelidikan.

Secara keseluruhannya, kertas kerja ini akan dibahagikan kepada tujuh bahagian. Pertama, penulis akan membincangkan berkenaan pandemik COVID-19, kedua; membincangkan berkenaan perancangan strategik secara umum, ketiga; membincangkan berkenaan perancangan strategik oleh insitusi Islam, keempat; membincangkan berkenaan kaedah penyelidikan kajian ini, kelima; perancangan strategik yang boleh dilakukan oleh institusi Islam dalam norma baharu, keenam kerangka konseptual kajian dan akhir sekali ialah kesimpulan berkenaan topik ini.

Pandemik COVID-19

Koronavirus (COVID-19) merupakan penyakit berjangkit yang baru ditemui pada penghujung tahun 2019. COVID-19 bukanlah virus yang pertama pada abad ke-21. Virus pertama adalah Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS), yang bermula pada tahun 2002 dan dianggarkan menjangkiti sejumlah 8000 orang di 26 negara dan mengakibatkan 774 kematian (Wilder-Smith, 2006). Dibandingkan dengan virus sebelum ini, COVID-19 telah dikategorikan oleh WHO sebagai pandemik. Kemunculan COVID-19 ini telah memberi kesan yang besar

terhadap sistem ekonomi, politik dan sosial budaya global. Pelbagai kaedah dan strategi telah dilaksanakan oleh pihak berwajib sebagai contoh penjarakan sosial, larangan perjalanan dan mobiliti, penguncian masyarakat, kempen tinggal di rumah, kuaratin diri atau mandatori dan lain-lain. Di pihak institusi pula, mereka terpaksa menukar corak dan strategi perniagaan contohnya seperti bekerja dari rumah, bekerja atas talian, menghadkan bilangan pekerja untuk bekerja di tempat kerja pada satu masa dan sebagainya. Tidak dinafikan bukan semua institusi mampu dan dapat meneruskan perniagaan mereka mengikut norma baharu. Bagi meneruskan kelangsungan dan bertahan dengan perubahan ini, institusi perlu mencari kaedah dan strategi terbaik supaya mampu bertahan dan berjaya. Berhadapan dengan suasana mencabar masa kini salah satu strategi yang boleh dipertimbangkan oleh institusi adalah melalui penilaian semula perancangan strategik supaya lebih efektif dan efisien.

Perancangan Strategik

Setiap organisasi di dunia ingin memaksimumkan keuntungan dan berusaha memberikan kejayaan kepada pihak berkepentingan mereka. Namun, untuk mencapai kejayaan tersebut, organisasi perlu mempunyai perancangan strategik terbaik yang bersesuaian dengan situasi semasa dan memastikan perancangan tersebut dikembangkan, dipantau dan dikekalkan. Perancangan strategik didefinisikan sebagai satu proses formulasi dalam melaksanakan perancangan bagi sesebuah organisasi. Ia melibatkan proses analisis strategik, pemilihan strategik dan implementasi strategik (Wheelen et al., 2017). Kaburu dan Simba (2020) melihat bahawa perancangan strategik ini lazimnya dipraktikkan oleh pihak pengurusan atasan dalam organisasi. Kejayaan mewujudkan perancangan strategik yang teliti dan sistematik didapati dapat menyumbang kepada kejayaan sesebuah organisasi. Di samping itu, amalan perancangan strategik juga akan membantu organisasi menentukan hala tuju yang sesuai untuk mencapai objektif jangka pendek dan jangka panjang (Henderson dan Hines, 2019).

Selain daripada konsep di atas, terdapat juga perspektif lain berkenaan dengan perancangan strategik. Bieler dan McKenzie (2017) mendefinisikan perancangan strategik sebagai proses membina visi, misi dan menentukan cara terbaik untuk merealisasikannya. Perancangan strategik akan membantu organisasi menentukan hala tuju yang sesuai untuk mencapai objektif jangka panjang. Bagi Bryson (2018) pula, perancangan strategik akan membantu pemimpin untuk berfikir, belajar dan bertindak secara strategik. Perancangan strategik ini merupakan usaha sistematik untuk menghasilkan keputusan dan tindakan yang membentuk sesuatu organisasi.

Perbincangan mengenai perancangan strategik kebiasaannya lebih menjurus kepada elemen-elemen yang perlu ada dalam perancangan strategik untuk dilaksanakan oleh institusi. Kebanyakan penulis telah mengklasifikasikan bahawa terdapat tiga elemen penting dalam perancangan strategik iaitu visi, misi dan matlamat (Haim Hilman Abdullah, 2011; Bieler dan McKenzie 2017; Aldhaheeri et al., 2020). Elemen-elemen tersebut akan dibincangkan lebih mendalam di bahagian seterusnya.

Perancangan strategik oleh institusi Islam

Konsep perancangan strategik dalam Islam ini sebenarnya masih sangat terhad. Perancangan strategik daripada perspektif Islam ini merupakan satu proses yang memerlukan usaha oleh manusia yang perlu dilakukan dengan ikhlas, adil dan penuh ihsan untuk merangka, menyusun dan melaksanakan perkara yang terbaik untuk organisasi bagi mencapai keredaan

Allah SWT. Justeru, sesebuah institusi haruslah sentiasa berusaha dengan bersungguh-sungguh bagi memastikan bahawa perancangan yang dilakukan memberi manfaat kepada semua serta percaya bahawa kejayaan perancangan yang dilakukan ditentukan oleh Allah SWT. Perkara ini ada ditekankan dalam surah ali-'Imran (3:159)¹. Oleh itu, pihak pengurusan perlu yakin dengan setiap keputusan yang dilakukan dan semestinya sesuatu perancangan strategik itu akan lebih berkesan sekiranya nilai-nilai Islam diutamakan dan yakin dengan kuasa Allah SWT.

Perancangan strategik perlu ditunjangi oleh pemikiran strategik berteraskan Islam terutamanya oleh pemimpin institusi itu sendiri (Rodrigue & Khaliq Ahmad, 2013). Pemikiran strategik berteraskan Islam didasari oleh paling tidak dua pegangan yang teras. Pertama, berpegang bahawa Allah SWT Maha Mengetahui perkara yang ghaib manakala manusia selaku makhluk-Nya tidak mengetahui hal yang ghaib. Perkara ini ada ditekankan dalam surah al-Naml (27:65)². Dalam hal ini manusia hanya mampu berusaha untuk memikirkan perancangan strategik berdasarkan keupayaan ilmu dan akal yang dikurniakan oleh Allah SWT. Pegangan teras yang kedua ialah meyakini Allah SWT merupakan sebaik-baik Perancang. Perkara ini antara lain ditekankan menerusi surah ali 'Imran (3:54)³ dan surah al-Anfal (8:30)⁴. Untuk itu, manusia perlu meyakini perancangan Allah dan bertawakal kepada Allah SWT dalam membuat perancangan strategik.

Berdasarkan perbincangan ini, dapat dirumuskan tiga perkara. Rumusan pertama, dua pegangan yang menjadi dasar dalam pemikiran dan perancangan strategik ini selari dengan perkara pokok dalam tasawur Islam iaitu Allah SWT selaku Pencipta dan manusia selaku makhluk ciptaan-Nya (Muhammad Syukri Salleh, 2021). Untuk itu ia sesuai untuk dijadikan dasar dalam konsep perancangan strategik berteraskan Islam. Rumusan kedua, adalah penting terutamanya bagi para pemimpin untuk membina kemahiran dalam pemikiran strategik yang benar bagi pelaksanaan perancangan strategik berteraskan Islam yang berkesan buat institusi Islam. Rumusan ketiga, perancangan strategik yang berdasarkan kepada pemikiran strategik berteraskan Islam dapat menjadi asas kepada pencapaian kualiti yang berteraskan Islam bagi pengurusan institusi Islam.

Secara keseluruhannya, sememangnya terdapat pendekatan Islam di dalam perancangan strategik walaupun konsep perancangan strategik dalam Islam itu sendiri masih belum diperkembangkan. Karya-karya berkaitan perancangan strategik berteraskan Islam masih lagi sangat terhad. Secara teoretikal, perancangan strategik tertumpu kepada dua perkara utama iaitu pernyataan visi dan misi institusi. Walaupun konsep perancangan strategik konvensional jelas berbeza dengan konsep perancangan strategik berteraskan Islam, namun dapat

¹ Terjemahan: "Dan bila engkau telah mempunyai keputusan yang tetap, percayakanlah (bertawakallah) dirimu kepada Allah SWT, sesungguhnya Allah SWT itu menyukai orang-orang yang mempercayakan diri (bertawakal) kepadaNya".

² Terjemahan: "Katakanlah lagi: Tiada sesiapapun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib melainkan Allah!" Dan tiadalah mereka menyedari bilakah masing-masing akan dibangkitkan hidup semula (sesudah mati)."

³ Terjemahan: "Dan orang-orang (Yahudi yang kafir) itupun merancangkan tipu daya (hendak membunuh Nabi Isa), dan Allah pula membalas tipu daya (mereka); dan (ingatlah), Allah seabijak-bijak yang membalas (dan menggagalkan segala jenis) tipu daya."

⁴ Terjemahan: "Dan ingatlah (wahai Muhammad), ketika orang-orang kafir musyrik (Makkah) menjalankan tipu daya terhadapmu untuk menahanmu, atau membunuhmu, atau mengusirmu. Mereka menjalankan tipu daya dan Allah SWT menggagalkan tipu daya (mereka), kerana Allah SWT sebaik-baik yang menggagalkan tipu daya."

dipersetujui bahawa dari sudut istilah pengertian pernyataan visi dan misi yang merujuk kepada arah tujuan dan matlamat yang ingin dicapai oleh sesebuah institusi boleh diterima pakai. Bahagian yang berikut ini membincangkan tentang perkara ini.

Visi dan Misi Institusi

Dalam perancangan strategik komponen yang kritikal dan penting adalah visi dan misi. Visi menjelaskan tentang arah tuju dan matlamat jangka panjang yang ingin dicapai oleh sesebuah syarikat. Ia merangkumi matlamat yang ingin dicapai, bentuk pengoperasian yang ingin dijalankan, kehendak pelanggan yang ingin dipenuhi dan kedudukan yang ingin dicapai (Haim Hilman Abdullah, 2011). Visi juga merupakan wawasan yang ingin dicapai oleh sesebuah institusi dan proses untuk mencapainya akan mengambil masa yang lama, kebiasaannya untuk tempoh 20 ke 30 tahun. Selain itu, visi ini memberi gambaran kepada hala tuju organisasi yang hendak diguna pakai oleh semua ahli dalam institusi tersebut. Visi ini juga bertujuan memudahkan institusi untuk membuat perancangan strategik. Terdapat tiga perkara yang akan membuatkan visi sesebuah organisasi itu berkesan. Pertama, komunikasi yang berkesan antara pihak pengurusan atasan dengan ahli institusi yang lain; kedua, kepimpinan yang efisien; dan ketiga, tidak memberikan harapan yang tinggi dalam membuat sesuatu perancangan (Syed Azauddin Syed Bahaldin, 2005).

Misi pula merujuk kepada objektif yang hendak dicapai oleh institusi. Ia bertujuan memberitahu masyarakat akan rasional di sebalik penubuhan sesebuah institusi kerana misi ini akan menggambarkan jenis operasi yang dijalankan oleh institusi, mencerminkan sifat-sifat institusi dan meringkaskan tujuan kewujudan institusi. Misi juga bertujuan mengenal pasti reka bentuk, teras serta falsafah yang mendasari sesebuah institusi (Azwar Abd. Manan, 2008). Selain itu, misi organisasi juga membolehkan ahli institusi memfokuskan objektif, keperluan dan kecekapan tertentu yang hendak dilaksanakan oleh organisasi.

Pada asasnya, visi dan misi bagi sesebuah organisasi ini mencerminkan komitmen pengurusan organisasi. Komitmen bukan sahaja kepada pihak pengurusan atasan, tetapi kepada seluruh ahli institusi supaya setiap perkara yang ingin dicapai oleh organisasi berjaya dilaksanakan. Visi dan misi ini menyediakan hala tuju yang sama kepada semua ahli dalam melaksanakan setiap urusan organisasi supaya visi dan misi institusi tercapai.

Kaedah Penyelidikan

Kajian ini bertujuan menganalisis perancangan strategik institusi Islam dalam menghadapi krisis pandemik COVID-19. Bagi tujuan tersebut kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengkaji secara sistematik semua literatur berkaitan perancangan strategik secara konvensional dan Islamik. Bahan-bahan rujukan utama diambil dari pelbagai pangkalan data sama ada boleh didapati secara percuma atau secara langganan. Sumber utama yang digunakan dalam kajian ini adalah al-Qur'an dan Hadith untuk memperkukuhkan lagi hujah kajian ini khususnya berkaitan perancangan strategik. Dari sorotan literatur, penulis membangunkan persoalan, apakah strategi terbaik yang dilakukan oleh institusi Islam dalam menghadapi krisis pandemik covid-19? Dalam mencari kajian lepas hanya artikel dalam jurnal dikaji semula seperti Scopus, Web ISI, Emerald, Ebscohost, MyJurnal, SAGE, Wiley Online Library dan Google scholar. Sumber lain diambil dari tesis, prosiding seminar dan laporan penyelidikan. Keseluruhan artikel yang dirujuk bermula dari tahun 2001 hingga 2021. Untuk mengurangkan bias ketika pemilihan sumber untuk sorotan literatur maka penulis sendiri memilih artikel yang berkaitan dengan perancangan strategik sahaja.

Perancangan Strategik Institusi Islam dalam menghadapi norma baharu

Perancangan strategik dalam norma baharu ini memang perlu dilihat dan dikaji dengan teliti oleh semua institusi memandangkan institusi perlu melihat kepada situasi semasa dan kesannya supaya semua yang dirancang dalam keadaan yang baik dan dapat memberi manfaat kepada ahli dan institusi.

Untuk perancangan strategik, dilihat terdapat elemen yang boleh dijadikan panduan untuk diaplikasikan oleh institusi Islam dalam menghadapi norma baharu. Sememangnya norma baharu ini memberi kesan kepada semua ahli dan ini memerlukan perancangan strategik terbaik untuk dilaksanakan oleh pengurusan atasan bagi mengurangkan beban semua ahlinya. Penulis melihat dua aspek utama yang boleh difokuskan oleh institusi Islam ini iaitu amalan terbaik dan pembangunan insan.

Amalan Terbaik

Institusi perlu menggunakan pendekatan amalan terbaik untuk merancang setiap kegiatan pengurusan. Amalan terbaik yang digunakan ialah dengan menekankan prinsip-prinsip Islam yang bersandarkan al-Qur'an dan Hadith. Hakikatnya, perancangan strategik Islam ini bukan sekadar dalam tempoh yang singkat mengikut keperluan semasa tetapi untuk akhirat kelak. Melihat kepada situasi kini, aspek rohani ini penting untuk dipupuk dan disemai dalam jiwa ahlinya supaya dapat menghindarkan perlakuan negatif oleh ahlinya. Oleh sebab itu, institusi perlu memastikan setiap perancangan yang hendak dilaksanakan oleh institusi tidak hanya memfokuskan amalan yang baik di dunia sahaja tetapi dalam masa yang sama merancang untuk kehidupan di akhirat kelak. Amalan terbaik ini adalah melalui usaha-usaha yang dilakukan oleh semua ahli dalam institusi untuk meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredaan); dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah berserta orang-orang yang berusaha membaiki amalannya”.

(Surah al- ‘Ankabut, 29:69)

Firman Allah SWT ini jelas mempamerkan bahawa Allah SWT menyeru hamba-Nya untuk bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Kerja yang dilakukan itu mestilah berlandaskan syariat Islam. Allah SWT sentiasa bersama dengan orang-orang yang berusaha untuk memperbaiki diri menuju keredaan-Nya.

Dalam Islam, sesuatu yang dibuat pada tahap terbaik itu disukai oleh Allah SWT. Sebagai hamba-Nya, hendaklah sentiasa melakukan ibadat dan kerja-kerja muamalat dengan cara yang terbaik sesuai dengan sifat kejadian manusia. Oleh sebab itu, sesebuah institusi itu perlu memastikan bahawa setiap perkara yang hendak dirancang untuk dilaksanakan di institusi perlulah terlebih dahulu memastikan amalan yang hendak dilaksanakan itu adalah yang terbaik sesuai dengan syariat Islam.

Pembangunan Insan

Kepentingan membangunkan insan ini perlu diberi penekanan oleh institusi untuk melahirkan insan yang berkualiti berdasarkan al-Qur'an dan Hadith. Hal ini mempamerkan bahawa

institusi amat mementingkan perancangan institusi yang memfokuskan kepentingan insan berbanding keuntungan institusi. Dalam menghadapi norma baharu ini, sifat keinsanan perlu diutamakan, keperluan ahlinya juga perlu diambil kira supaya ianya tidak membawa kesan yang mudarat kepada ahlinya dan secara tidak langsung kepada institusi sendiri. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya”.

(Surah al-Tin, 95:4)

Firman-Nya lagi:

“Dan sesungguhnya telah Kami muliakan anak-anak Adam, Kami angkat mereka di daratan dan di lautan, Kami beri mereka rezeki dari yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah Kami ciptakan”.


(Surah al-Isra', 17:70)

Firman Allah SWT ini dalam kedua-dua surah menjelaskan berkenaan bentuk kemuliaan insan. Allah SWT telah menciptakan manusia di muka bumi ini bertujuan beribadat kepada-Nya dan bermatlamat untuk memperoleh kerediaan-Nya. Bahkan nilai kemuliaan yang diberi kepada manusia ini tidak pernah dianugerahkan kepada ciptaan Allah SWT yang lain.

Dalam keadaan yang sebegini, institusi perlu memikirkan perancangan yang terbaik bagi memastikan ahlinya sentiasa bermotivasi dan semangat dalam melakukan kerja. Perancangan seperti memperbanyakkan ahlinya menyertai wacana ilmu yang berbentuk keagamaan bertujuan menambah ilmu, membentuk akhlak yang baik dan mendekatkan ahli dengan Allah SWT. Hal ini memandangkan, banyak kes tekanan yang berlaku sehingga ada yang sanggup mencederakan diri sendiri, ahli keluarga dan sebagainya. Pemberian tanggungjawab oleh pihak pengurusan perlu bersesuaian dengan keadaan dan situasi semasa memandangkan situasi “bekerja dari rumah” ini sememangnya banyak cabaran.

Kerangka Konseptual

Berdasarkan sorotan kajian lepas, penulis telah membentuk kerangka konseptual model perancangan strategik bagi institusi Islam dalam menghadapi pandemik COVID-19. Kerangka konseptual ini boleh dipanjangkan untuk kajian selanjutnya bagi mendapat hasil penyelidikan yang lebih konkrit. Elemen utama yang terdapat dalam kerangka ini adalah perancangan strategik dalam Islam yang melibatkan dua pemboleh ubah iaitu amalan terbaik dan pembangunan insan. Di bawah adalah cadangan kerangka konseptual yang memaparkan hubungan di antara pemboleh ubah yang terdapat dalam kajian ini.



Rajah 1. Model Kerangka Konseptual Kajian

Kesimpulan

Kesimpulannya, perancangan strategik sangat penting bagi setiap institusi kerana ia memberi gambaran secara keseluruhan visi, misi dan matlamat yang ingin dilaksanakan oleh sesebuah institusi tersebut. Institusi perlu membangunkan secara bersepadu di antara aspek material dengan aspek spiritual. Amalan terbaik dan pembangunan insan ini dilihat sebagai antara elemen yang penting perlu diutamakan oleh institusi dalam merancang hala tuju. Hal ini bertujuan supaya institusi boleh bersedia sekiranya berlaku situasi atau keadaan yang tidak terjangka seperti yang dilalui oleh seluruh dunia sekarang iaitu ancaman pandemik COVID-19. Peringkat permulaan kertas kerja ini telah berjaya membentuk kerangka konseptual model perancangan strategik bagi institusi Islam dalam menghadapi pandemik COVID-19. Kerangka ini akan diuji selanjutnya pada kajian akan datang untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih konkrit bagi menjadi panduan terbaik kepada institusi Islam dalam menghadapi cabaran seperti pandemik COVID-19.

Rujukan

- Aidhaheeri, F., Ameen, A., & Isaac, O. (2020). The influence of strategy formulation (vision, mission, and goals) on the organizational operations. *Journal of Critical Reviews*, 7(17), 1932-1941.
- Ansoff, H. Igor (1984). *Implanting Strategic Management*. Englewood Cliffs, N.J.: Prentice-Hall International
- Azwar Abd. Manan (2008). *Pengurusan di Malaysia: Teks Asas Pengurusan Am Tentang Bagaimana Menguruskan Perniagaan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Bieler, A., & McKenzie, M. (2017). Strategic planning for sustainability in Canadian higher education. *Sustainability*, 9(2), 161.
- Bryson, J. M. (2018). *Strategic planning for public and nonprofit organizations: A guide to strengthening and sustaining organizational achievement*. John Wiley & Sons.
- Haim Hilman Abdullah (2011). *Pengurusan strategik: Konsep dan kes*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.

- Henderson, A. E., & Hines, R. D. (2019). Using Concepts from Strategic Planning. In *Data Strategy in Colleges and Universities: From Understanding to Implementation*. Routledge.
- Kaburu, C. M., & Simba, F. (2020) Influence of Strategic Planning Factors on Organizational Performance of State Corporations in Mombasa County, Kenya. *International Journal of Advanced Research and Review*.
- Kassim Thukiman (2003). Perancangan dan pengurusan strategik organisasi: satu analisis. *Jurnal Kemanusiaan*, 16(1),1-9.
- Mohd Hizam Hanafiah & Abdullah Sanusi Othman (2007). *Pengurusan strategik*. Selangor: Prentice Hall.
- Muhammad Syukri Salleh (2021). *Tujuh Prinsip pembangunan berteraskan Islam* (Edisi kedua (E-Book)). Pulau Pinang: Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV).
- Rodrigue,F., & Khaliq Ahmad (2013). *Strategic Management from an Islamic Perspective: Text and cases*. Singapore: John Wiley & Sons.
- Spyridonidou, S., Vagiona, D. G., & Loukogeorgaki, E. (2020). Strategic planning of offshore wind farms in Greece. *Sustainability*, 12(3), 905.
- Syed Azauddin Syed Bahaldin (2005) *Alternative Quality Management Standards: Islamic Perspective*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Wheelen, T. L., Hunger, J. D., Hoffman, A. N., & Bamford, C. E. (2017). *Strategic management and business policy*, 55. Boston, MA: Pearson.
- Wilder-Smith, A. (2006). Tourism and SARS. In *Tourism in Turbulent Times* (pp. 77-86). Routledge.